

AKTIVITI BAKAT INSKEP



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4108-aktiviti-bakat-inskep

TANJUNG BUNGAH, 10 Nov 18 - Pengerusi BAKAT INSKEP, Puan Noor Hafiza binti Zainol telah mengadakan kelas membuka dan memasang tayar kenderaan kepada ahli-ahli BAKAT INSKEP yang disampaikan oleh Kpl U Mohd Azam bin Muhamad dan KPL U Mohd Rafiuddin bin Rahimi dari Cabang Kenderaan.



Tujuan kelas tersebut diadakan adalah untuk memberi pendedahan dengan cara-cara yang betul semasa membuka dan memasang tayar agar tidak mendatangkan kecederaan dan memudahkan pelaksanaan tersebut.



Setelah itu, PS 2 Kebajikan Markas Tentera Udara Bahagian Tadbir Cawangan Perkhidmatan Kuala Lumpur, Mej Siti Norfadilah binti Omar TUDM turut dijemput menyampaikan ceramah berkenaan bantuan kebajikan kepada anggota TUDM dan waris kepada anggota.



Selain itu juga, Mej Mohd Rozali bin Abd Rahman TUDM dari Jabatan Hal Ehwal Veteran Cawangan Utara turut memberi pendedahan Peranan dan Tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Veteran kepada ahli-ahli BAKAT INSKEP yang hadir.

